



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**AKSES PERKHIDMATAN KESIHATAN MENTAL
PENTING DALAM SITUASI TIDAK TERDUGA
(KRISIS & BENCANA)**

Cyberjaya, 12 Oktober 2025

Majlis Pelancaran Bulan Kesihatan Mental Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 berlangsung hari ini di Taman Tasik Cyberjaya, Sepang, Selangor dan disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia. Dengan tema “**Akses Kepada Perkhidmatan: Kesihatan Mental Dalam Krisis Dan Bencana**”, sambutan tahun ini adalah **memfokuskan kepada usaha untuk memastikan kebolehcapaian akses kepada perkhidmatan kesihatan mental dalam situasi kecemasan, krisis dan bencana.**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut melancarkan **Nota Poket Bantuan Awal Psikologi Semasa Krisis dan Bencana** serta menyampaikan Sijil Penghargaan kepada pasukan **Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (*Mental Health and Psychosocial Support Services – MHPSS*)** KKM. Pasukan MHPSS merupakan **anggota kesihatan yang terlatih** dalam memberikan **perkhidmatan sokongan emosi** melalui **Bantuan Awal Psikologi (*Psychological First Aid – PFA*)** kepada **individu yang terkesan** akibat dari situasi tidak terduga termasuklah krisis, bencana mahupun pandemik. Pada masa ini, terdapat sebanyak **256 pasukan MHPSS** dengan **kapasiti 3,676 anggota kesihatan terlatih** di seluruh negara yang **bersedia digerakkan** bagi membantu masyarakat yang terkesan oleh sebarang krisis dan bencana dari aspek perkhidmatan kesihatan mental.

YB Menteri Kesihatan dalam majlis sama turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang Pertandingan Ekspresi Emosi Menerusi Seni sempena Hari Pencegahan Bunuh Diri 2025 serta Sijil Apresiasi kepada **pasukan inovasi HELPIE** dari **Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 11(1)**. Sekolah ini telah **memenangi Pengiktirafan Sekolah Terbaik Dunia 2025** bagi **Kategori Menyokong Kehidupan Sihat (Kesihatan Mental)**.

Selain majlis pelancaran, pelbagai aktiviti diadakan seperti *Fun Walk*, *Senaminda* dan perkongsian ilmu melalui bual bicara bersama panel-panel berpengalaman dalam kesihatan mental. Majlis pada hari ini turut dimeriahkan dengan reruai pameran dan pelbagai aktiviti berkaitan kesihatan mental secara interaktif yang dijayakan oleh agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan rakan-rakan strategik KKM.

KKM komited dalam memperkasa dan mengutamakan agenda kesihatan mental negara. Justeru, kerjasama secara merentas agensi melibatkan ***smart partnership*** bersama agensi kerajaan, swasta serta penglibatan NGO akan dipertingkatkan bagi memastikan akses dan penyampaian perkhidmatan kesihatan mental yang holistik dapat diberikan kepada segenap lapisan masyarakat dalam apa juga keadaan termasuklah krisis dan bencana yang tidak terduga. Ini sejajar dengan nilai MADANI - *Kemampanan, Kesejahteraan, Hormat, Keyakinan dan Ihsan*.

-TAMAT-

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia**

